Level 12, West Wing, The Icon, No. 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur.
Customer Relationship Centre: 1300 220 007, WhatsApp: 012-6031978, Email: rhbi.general@rhbgroup.com, Website: insurance.rhbgroup.com

PRODUCT DISCLOSURE SHEET (PDS): WORKMEN'S COMPENSATION INSURANCE

(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up this Product. Be sure to also read the general terms and conditions of this Policy).

1. What is this product about?

This policy provides indemnity to you in respect of your liability to pay compensation to employees under Common Law or the Workmen's Compensation Act 1952 (Act 273) and its subsequent amendments, for death or injury at work.

2. What are the covers/benefits provided?

This policy covers all sums which you will be liable to pay compensation to employees for personal injury sustained by accidents or diseases arising out of and in the course of employment under:

- The Workmen's Compensation Act (1952) and its subsequent amendments
- Common Law
  The policy Common Law Limit is RM3,000,000

Duration of cover is for one year (except for project related risks). You need to renew your insurance policy annually.

3. How much premium do I have to pay?

The premium that you have to pay may vary depending on our underwriting requirements, risk exposure and estimated wages.

4. What are the fees and charges that I have to pay?

What you have to pay in addition to the premium	**Amount**
Service Tax	8% of Premium
Stamp Duty	RM 10.00
What is included in the premium	
Commissions paid to the insurance agent (if any)	25% of Premium

You are obligated to pay any applicable taxes (which include but not limited to service tax and stamp duty) imposed by the Malaysian tax authorities in relation to your Policy.

5. Can I cancel my policy?

You may cancel your policy by giving written notice to us. Upon cancellation, you are entitled to a refund of the premium less premium based on our short period rates for the period the policy which has been in force. No refund premium is allowed if there is a claim under the policy.

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

A. <u>Importance of Disclosure (Statement Pursuant to Schedule 9 of the Financial Services Act 2013)</u>

- Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this insurance for a purpose related to your trade, business or profession, you have a duty to disclose any matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance.
- The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us. You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.

B. <u>Reasonable Care</u>

You must exercise reasonable care and safety precautions to prevent accidents and diseases.

***Note*:** *This is non-exhaustive. Please refer to policy documents for full details.*

7. What are the major exclusions under this policy?

This policy does not cover:

- Any injury by accident or disease caused by war, invasion, acts of terrorism, military or usurped power
- The Insured's liability to employees of contractors to the Insured
- Any employee who is not a "workman" as defined by the Law(s)
- Any liability arising out of an agreement
- Any sum which the Insured would have been entitled to recover from any party but for an agreement between the Insured and such party
- Liability arising from radioactivity, nuclear, asbestos
-

***Note**: This list is non-exhaustive. Please refer to policy documents for full details.*

8. What do I need to do if there are changes to my contact/personal details?

You must advise us in writing as soon as you are aware of any change in the employment, occupation, duties or pursuits of any Insured Person, or any other change which may increase the possibility of a claim under this Policy.

9. Where can I get further information?

Should you require additional information about All Risk Insurance, please refer to our Customer Relationship Centre or visit our website at insurance.rhbgroup.com.

If you have any enquiries, please contact us at:
RHB INSURANCE CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE.
Level 1, Tower Three, RHB Centre, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
Tel: 1300 22 0007/ Fax: 603-21637277
E-mail: rhbi.general@rhbgroup.com WhatsApp: 012-603 1978

IMPORTANT NOTE:
You must ensure that your amount insured is adequate. You should read and understand the insurance policy and discuss with the agent or contact us directly for more information.

Member of PIDM
The benefit(s) payable under eligible certificate/policy/product is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact RHB Insurance Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Level 12, West Wing, The Icon, No. 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur.
Customer Relationship Centre: 1300 220 007, WhatsApp: 012-6031978, Email: rhbi.general@rhbgroup.com, Website: insurance.rhbgroup.com

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK (PDS): INSURANS PAMPASAN PEKERJA

(Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menggunakan Produk ini. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am Polisi ini).

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberikan indemniti (ganti rugi) kepada anda berkenaan dengan liabiliti anda untuk membayar pampasan kepada pekerja di bawah Common Law atau Akta Pampasan Pekerja 1952 (Akta 273) dan pindaan berikutnya, untuk kematian atau kecederaan sewaktu kerja.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi semua jumlah yang akan menjadi liabiliti anda untuk membayar pampasan kepada pekerja untuk kecederaan peribadi yang dialami akibat kemalangan atau penyakit yang berpunca daripada atau semasa penggajian di bawah:

- Akta Pampasan Pekerja (1952) dan pindaan berikutnya
- Common Law
  Had Common Law bagi polisi ialah RM3,000,000

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun (kecuali risiko berkaitan projek). Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza berdasarkan keperluan pengunderaitan kami, pendedahan risiko dan anggaran upah.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Bayaran yang anda perlu bayar selain premium	**Jumlah**
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium
Duti Setem	RM 10.00
Bayaran yang termasuk dalam premium	
Komisen dibayar kepada ejen insurans (jika ada)	Jumlah 25% daripada Premium

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang saya perlu tahu?

A. <u>Kepentingan Pendedahan (Penyata Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013)</u>

- Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu relevan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan dan apa-apa perkara yang orang yang munasabah dalam keadaan itu boleh dijangka tahu sebagai relevan, jika tidak, ia boleh mengakibatkan pengelakan kontrak insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan di atas akan diteruskan sehingga masa kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami mana-mana maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

B. <u>Penjagaan Munasabah</u>

Anda mesti mengambil semua langkah berjaga-jaga dan keselamatan yang munasabah untuk mencegah kemalangan dan penyakit.

Nota: *Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk butiran penuh.*

7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Apa-apa kecederaan oleh kemalangan atau penyakit yang disebabkan oleh peperangan, serangan, tindakan keganasan, ketenteraan atau perampasan kuasa
- Liabiliti Pihak Yang Diinsuranskan terhadap pekerja kontraktor kepada Pihak Yang Diinsuranskan
- Mana-mana pekerja yang bukan "pekerja" sebagaimana ditakrifkan oleh Undang-undang
- Apa-apa liabiliti yang berpunca daripada suatu perjanjian
- Apa-apa jumlah yang layak diperolehi semula oleh Pihak Yang Diinsuranskan daripada mana-mana pihak tetapi untuk suatu perjanjian antara Pihak Yang Diinsuranskan dengan pihak tersebut
- Liabiliti yang berpunca daripada radioaktiviti, nuklear, asbestos
-

***Nota**: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk butiran penuh.*

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan/butit-butir peribadi?

Anda boleh batalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium yang diselaraskan pada dasar kami untuk membendung premium tempoh singkat atau premium minimum. Pemulangan premium tidak dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini.

9. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Insurans Semua Risiko, sila rujuk Pusat Perhubungan Pelanggan kami atau layari laman web kami di insurance.rhbgroup.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:
RHB INSURANCE CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE.
Level 1, Tower Three, RHB Centre, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
Tel: 1300 22 0007/ Fax: 603-21637277
E-mail: rhbi.general@rhbgroup.com WhatsApp: 012-603 1978

NOTA PENTING:
Anda hendaklah memastikan harta anda dilindungi dengan nilai yang berpatutan. Anda harus baca dan memahami kandungan polisi insurans dan berbincang dengan ejen anda atau hubungi kami untuk maklumat lanjut.

Ahli PIDM
Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi RHB Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).